

Tesco bina rumah mangsa banjir

TESCO Stores (Malaysia) Sdn Bhd (Tesco Malaysia) membelanjakan RM500,000 untuk membina lapan buah rumah bagi mangsa banjir di Pantai Timur menerusi fasa kedua 'Project Shelter' yang dilancarkan syarikat itu semalam.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Georg Fischer berkata, dana diperoleh melalui sumbangan daripada 52 cawangan Tesco Malaysia, pembekal dan rakan niaga Tesco Malaysia dan Tesco plc di United Kingdom.

"Projek pembinaan akan bermula akhir Mac ini melibatkan kawasan sekitar Sungai Pinang, Kelantan dan dijangka siap lima minggu kemudian. Rumah itu direka oleh pensyarah Universiti Sains Islam Malaysia (Usim), AR Fadli Arabi.

"Projek ini hasil pemerhatian kami ter-

hadap keperluan mangsa banjir yang mengalami kerosakan rumah akibat bencana ini ketika kami menyertai misi bantuan banjir sebelum ini. Disebabkan itu, kami ambil langkah mendirikan rumah untuk bantu mereka menerusi 'Project Shelter,'" katanya pada Majlis Penghargaan Misi Bantuan Kemanusiaan di Damansara, semalam.

Fischer berkata, dalam pembinaan rumah itu, Tesco Malaysia juga bekerjasama dengan Kerajaan Kelantan untuk membantu keluarga yang berkelayakan.

Rumah 'Project Shelter' direka dalam konsep sistem modular, berasaskan Syariah dan memenuhi prinsip seni bina Islam.

Rumah berkeluasan 740 kaki persegi itu akan dilengkapi dengan tiga bilik dan dua bilik air.